

Nama:

Kelas:

Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada hari Sabtu yang lalu, Sekolah Kebangsaan Taman Harmoni telah mengadakan aktiviti perkhemahan di Sungai Congkak. Perkhemahan tersebut telah diadakan selama tiga hari dua malam. Peserta perkhemahan ini terdiri daripada 33 orang murid perempuan dan 21 orang murid lelaki. Seramai 5 orang guru telah ditugaskan sebagai guru pengiring.

Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah sesi suai kenal, pertandingan kawad kaki, teknik pertolongan cemas, mendaki anak bukit, ceramah motivasi dan sebagainya.

Para peserta juga diingatkan supaya tidak merosakkan alam semula jadi dan sentiasa menjaga kebersihan persekitaran. Guru pengiring juga telah memperkenalkan jenis-jenis tumbuhan dan hidupan yang terdapat di kawasan rekreasi tersebut.

Pada hari terakhir perkhemahan, para peserta membersihkan kawasan tapak perkhemahan. Para peserta berasa gembira kerana memperoleh banyak pengetahuan serta pengalaman baharu.

1 Bilakah perkhemahan itu diadakan?

2 Di manakah perkhemahan itu diadakan?

3 Berapakah jumlah murid yang menyertai perkhemahan itu?

- | | |
|------------|------------|
| A 21 orang | C 54 orang |
| B 33 orang | D 55 orang |

4 Apakah aktiviti yang paling mencabar?

- | | |
|---------------------------|----------------------------|
| A pertandingan kawad kaki | C mendaki anak bukit |
| B ceramah motivasi | D teknik pertolongan cemas |

5 Para peserta membersihkan kawasan tapak perkhemahan pada hari terakhir perkhemahan supaya _____.

- | | |
|--------------------|-----------------------|
| A tidak didenda. | C menjaga kebersihan. |
| B mendapat pujian. | D menjimatkan masa. |